

BN P.Pinang Cadang Satu Rangka Kerja Bantu Pemilik Rumah Terbakar Pemilik Rumah Tinggal
Bername
6 Ogos, 2012

GEORGE TOWN, 6 Ogos (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang akan menyediakan satu rangka kerja bagi membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh pemilik-pemilik rumah berstrata (kediaman tinggi) terutama berhubung penyelenggaraan dan pengurusan perumahan mereka.

Pengerusi BN negeri, Teng Chang Yeow berkata cadangan untuk menyediakan rangka kerja itu adalah bagi membantu mereka yang tinggal di perumahan kos rendah dan sederhana rendah.

"Hasil kajian yang dilakukan, mereka ini (pemilik rumah berstrata) mengalamimasalah dari segi kos penyelenggaraan dan pengurusan. Jadi kita mencadangkan satu rangka kerja untuk membantu pemilik-pemilik rumah berkenaan disediakan.

Menerusi rangka kerja itu kita akan mencadangkan supaya pemberian semula semua hasil kutipan cukai pintu dan tanah kepada jawatankuasa atau perbadanan pengurusan bersama bangunan berkenaan untuk digunakan bagi tujuan penyelenggaraan dan pengurusan bangunan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pemilik Bangunan Tinggi, Parlimen Bayan Baru di sini, hari ini.

Beliau berkata cadangan itu adalah antara kandungan dalam manifesto BN Pulau Pinang untuk pilihan raya umum (PRU) akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685928>